



PUTIK Pengkalan Chepa, 15 Julai-
Haji Mohamad bin Mahmud telah diumumkan sebagai Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan bagi tahun 2023, pengumuman itu dibuat sempena sambutan Hari Yayasan Islam Kelantan yang berlangsung di Dewan Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (PUTIK).

Sambutan penuh meriah itu dihadiri hampir 3,000 guru dan kakitangan dari 93 buah sekolah Yayasan Islam Kelantan di seluruh negeri. Hari YIK merupakan hari menghargai pentadbir sekolah, guru-guru, pelajar dan sekolah-sekolah yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang dan kategori yang telah ditetapkan.

Antara anugerah yang disampaikan ialah Anugerah Kecemerlangan Sukan Lelaki & Perempuan, Anugerah Kecemerlangan Koakademik Lelaki & Perempuan, Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum SRU (A) Lelaki & Perempuan, Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan yang terdiri daripada peperiksaan SMU, SMTQ, SMU DINI, SPM dan STAM, Anugerah Pelajar Mithali, sekolah Terbaik Peperiksaan, Peningkatan GPS, Anugerah Pencapaian GPS Terbaik, Anugerah Pengurusan Kurikulum Terbaik, Sekolah Pengurusan Kewangan Terbaik dan Anugerah Sekolah Terbaik Peperiksaan, Guru Cemerlang, Sekolah Cemerlang dan Pentadbir Sekolah Cemerlang.

HJ. MOHAMAD BIN MAHMUD TOKOH PENDIDIK YAYASAN ISLAM KELANTAN 2023

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob Menteri Besar Kelantan yang juga pengurus Lembaga Yayasan Islam Kelantan. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB Dato' Haji Mohd Amar bin Nik Abdullah, Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Lembaga YIK dan rakan-rakan strategik Yayasan Islam Kelantan.

Penerima anugerah Tokoh Pendidik pada tahun ini pernah berkhidmat di bawah Yayasan Islam Kelantan dan pernah menjawat jawatan Penolong Kanan Maahad Muhammadi (Perempuan), malah ditawarkan jawatan pengetua di SMU (A) Sedar, Tumpat (Maahad Muhammadi Tumpat) sebelum membuat keputusan menerima tawaran sebagai Pegawai Tadbir Ugama (PTU) di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Tokoh Pendidik 2023 yang diistiharkan ini, menerima pakej menunaikan umrah bernilai RM10 ribu, hadiah iringan dan sijil penghargaan yang telah disampaikan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan.

Dalam bidang akademik beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sentiasa aktif dalam bidang penulisan dan penerbitan, sehingga ini sebanyak 151 artikel dan penulisan di dalam majalah, akbar dan jurnal. Beliau turut menghasilkan 20 buah buku dalam berbagai bidang.

Haji Mohamad bin Mahmud juga merupakan antara tokoh yang memulakan langkah menggerakkan pembinaan bangunan baharu SMU (A) Bustanus Saadah Morak, Tumpat dan masih kekal sebagai ahli jawatankuasa PIBG sekolah berkenaan sehingga sekarang.



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَعَلَىٰ أَلَّهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ.

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita mengatur setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat dapat saya menyampaikan sepatoh dua kata di ruangan ini

Alhamdulillah, selama 3 tahun saya berada di Yayasan Islam Kelantan, saya telah melaksanakan amanah yang telah diberikan dan membawa hasil yang cukup membanggakan saya. Antaranya Johan Keseluruhan Kejohanan Sukan

Perutusan Pengarah



Sekolah-sekolah Agama Malaysia (KESSUMA) 2022, dan Johan Keseluruhan Bersama Negeri Kedah Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah Menengah Agama Malaysia (MIISMAM) 2022.

Saya juga telah berusaha melaksanakan Wakaf Pendidikan MAIK-YIK bagi memenuhi keperluan insititusi untuk membentay pembinaan bangunan akademik dan menambah baik infrastruktur dan fasiliti.

Selain itu, saya juga melaksanakan penstrukturkan guru dan penambahbaikan perkhidmatan, di mana sehingga Jun 2023 YIK telah menukar lantik seramai 1,170 orang Guru Berelaun kepada Guru Sandaran, begitu juga dengan pelaksanaan kenaikan pangkat secara *Time based* Berasaskan Kecemerlangan dari tahun 2021 hingga 2023 seramai 467 orang guru telah dilantik ke gred yang lebih tinggi. Selain itu YIK juga melaksanakan pengisian 149 Jawatan tetap yang menjadikan jumlah perbelanjaan keseluruhan meningkat hampir RM3 juta setahun.

Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bercarum juga telah saya jayakan pelaksanaan di mana seramai 101 orang guru telah dilantik pada 17 Mei 2023 di bawah skim ini, begitu juga menaik taraf kelayakan akademik yang lebih tinggi dan kenaikan gaji yang lebih baik melibatkan 30 orang guru lantikan STTUP dan Diploma ke peringkat Ijazah.

Menjadi harapan saya agar YIK terus berkembang maju, seiring dengan perkembangan pendidikan semasa, malah dapat menyerlahkan dimensi baharu dalam pembentukan kemenjadian insan mulia sebagai mana yang telah digariskan dalam Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK).

Pendekatan-pendekatan baharu juga perlu diambil untuk mewujudkan persaingan dalam merebut peluang pendidikan masa hadapan. Kesediaan kita untuk berubah dan mengadaptasikan kemajuan teknologi pendidikan merupakan kunci kejayaan membentuk generasi milenium yang bakal dilahirkan dari sekolah-sekolah YIK.

Saya juga mengharapkan agar usaha-usaha yang telah saya rintis dapat diteruskan oleh pengurusan baharu Yayasan Islam Kelantan dalam usaha memartabatkan pendidikan Islam dan bahasa Arab di Kelantan yang bertuah ini.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pengetua dan seluruh warga kerja YIK yang telah memberikan kerjasama padu sepanjang perkhidmatan. Saya juga memohon kemaafan sekiranya sepanjang saya berada di Yayasan Islam Kelantan terdapat tersilap kata, terkasar bahasa.

Saya mengharapkan agar segala khidmat bakti ini menjadi sebahagian daripada amal jariah yang berkekalan insya-Allah.

DARI MEJA PENGARANG

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama menyatakan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat-Nya ke seluruh alam, Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda SAW pemimpin agung memandu seluruh umat ke arah cahaya kebenaran.

Sekali lagi kita bertemu dalam siaran berkala Suara YIK yang memaparkan program dan aktiviti Yayasan Islam Kelantan dalam tempoh 6 bulan. Edaran ini membolehkan para pembaca mengikuti perkembangan dalam pengurusan institusi pendidikan agama di negeri Kelantan dengan lebih dekat lagi.

Pemerkasaan Pendidikan agama terus dipertingkatkan untuk menjamin kelangsungan kefahaman dalam kalangan masyarakat secara berterusan. Usaha-usaha ini digerakkan melalui berbagai kaedah dan metode agar selari dengan perkembangan sosial dan teknologi.

Memandangkan generasi hari ini mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam penggunaan gajet-gajet baharu, sewajarnya pendidik

dapat meletakkan posisi yang sesuai sehingga menimbulkan minat mendalam dalam pengajaran dan pembelajaran

Program-program seumpama ini perlu menjadi keutamaan semua warga pendidik untuk menjamin setiap pelajar Yayasan Islam Kelantan diberikan peluang yang sama dan mampu bersaing dengan rakan-rakan dari institusi pengajian yang lain. Kesungguhan dan pengorbanan pendidik dan pelajar amat diharapkan agar sama-sama berusaha mengatasi segala kesulitan yang dihadapi untuk melonjakkan kecemerlangan Pendidikan di negeri Kelantan.

Sekian - Ketua Editor

Suara YIK diterbitkan oleh Yayasan Islam Kelantan dan diedar percuma kepada sekolah-sekolah agama di bawah YIK dan jabatan berkaitan yang berurus dengan YIK. Pihak yang ingin mendapat maklumat lanjut atau memberikan buah fikiran atau sumbangan berupa rencana bolehlah menghubungi:

Suara YIK

Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan
Peti Surat 248, Tunjong Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-712 6933/09-712 8144 Faks: 712 7806
E-mel : yik@kelantan.gov.my

PENAUNG

YM Hj. Engku Rajhan bin Engku Ismail

PENASIHAT

En. Mohd Khalis Syafiq bin Mohamad Nor
Hj. Che Kamarudin Kamel bin Che Muhammad
Hj. Mohd Zaki bin Deraman

KETUA EDITOR

Hj. Sukeri bin Hussin

EDITOR & REKA BENTUK

En. Nik Ramzi Al-Samadi bin Abdul Samad

PANEL PENYEMAK

Hj. Ahmad Norisham bin Ab Halim
Hj. Nik Abd Rahim bin Nik Man

PENULIS TAMU

Dr. Nik Abd Rahman bin Nik Ya'acob
Ust. Mohd Zainudin bin Husin
Hj. Hamdi bin Mohamed
Pn. Hartini binti Idris

JURUGAMBAR

En. Md Rikiman bin Yusof
En. Mohamad Fikri bin Ghazali
En. Abdul Muhaimin bin Mohd Zaki

بسم الله الرحمن الرحيم، الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام
على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد،

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah izin-Nya Suara Yayasan Islam Kelantan (YIK) dapat diterbitkan pada kali ini.

Saya mengambil kesempatan dalam ruangan ini untuk menyeru umat Islam seluruh negara agar kekal teguh bersatu dengan sepenuh daya bagi mengelakkan sebarang bentuk perpecahan yang merugikan masa depan generasi akan datang.

Sesungguhnya nilai bersatu amat bermakna memandangkan percanggahan dan perseteruan yang berpanjangan dalam kalangan umat Islam akan membawa kelemahan dan kepincangan. Oleh itu Islam amat menggalakkan umatnya mencari titik pertemuan dan persamaan dalam apa jua perkara dan abaikan segala bentuk persengketaan. Mengambil semangat yang dibawa oleh al-Quran dalam surah Al-Anfaal ayat ke-46 yang menegaskan betapa perlunya umat Islam patuh kepada pemimpin dan janganlah sentiasa bertelagah sesama sendiri sehingga kamu menjadi lemah dan hilang kekuatan.

Justeru, sebagai penerus kepada usaha yang diasaskan oleh allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dengan slogan "Membangun Bersama Islam" kita semua semuanya perlu bergerak lebih ke hadapan dengan merealisasikan pula hasrat YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar yang telah memberikan nilai tambah kepada slogan tersebut di bawah "Merakyat Membangun Bersama Islam". Penerapan kepada penghayatan Islam mestilah sampai ke akar umbi dan merangkumi seluruh lapisan rakyat.

Apa yang membimbangkan kita pada hari ini ialah sikap anak-anak muda yang kurang memberikan perhatian kepada soal-soal akidah dan akhlak, malah lebih berbahaya apabila mereka melihat pelanggaran-pelanggaran hukum syariat ini bukan masalah sejagat, malah ia hanyalah isu peribadi yang kembali kepada pandangan masing-masing.

Gejala seperti ini sudah tentu akan merencatkan usaha untuk mengembalikan kegembiran ummah yang beramat dengan Islam. Lantaran itu, kita tidak jemu-jemu untuk sentiasa menyebut pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Negeri Kelantan dalam setiap program, kerana inilah caranya untuk kita berdepan dengan cabaran pendidikan masa hadapan. Tanpa persediaan yang rapi dan strategi yang betul kita bimbang terhadap masa depan generasi akan datang sehingga menyukarkan mereka untuk membezakan antara kebenaran dan kebatilan.

Menjadi kewajipan kita semua untuk kekal beristiqamah dengan prinsip-prinsip Islam, melaksanakan tuntutan agama dan memberikan kefahaman kepada masyarakat agar tidak terkeliru dengan fahaman-fahaman barat yang menyimpang daripada asas kefahaman Islam yang sebenar.

Sekian, terima kasih.

Wabillahittaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"
"SEMOGA ALLAH MELINDungi TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"**

Salam Hormat.

Setitis Tinta



YB DATO' DR. HAJI MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan,
Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi
Negeri Kelantan

KELANTAN RAIKAN 326 HUFFAZ BAHRU



Grand Riverview Kota Bharu, 12 Jun-

Majlis Graduasi Tahfiz Kali Ke-13 2022 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Haji Yakob, Menteri Besar Kelantan yang diadakan di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu.

Seramai 326 pelajar yang menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran telah diraikan hari ini terdiri daripada 49 orang dari Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong Machang, 30 orang dari Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Asriah Banggol Chicha Pasir Mas, 98 orang dari Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, 64 orang dari Kolej Tahfiz Sains



Nurul Aman Kok Lanas, 26 orang dari Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin Tumpat, 6 orang pelajar dari Maahad Tahfiz Sains Al-Muhammadi

Nipah Bachok, 10 orang dari Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah Lilbanat Beta Hulu Kota Bharu, 18 orang dari SMU (A) Tarbiah Diniah Tahfiz Bunut Sarang Burung Tumpat dan 25 orang dari SMU (A) Al-Kauthar Peringat Melor Kota Bharu.

Muhammad Afdal bin Che Marzuki, Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong dan Mawaddah binti Mohd Khairul Bahri, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah pula diumumkan sebagai Tokoh Graduasi Tahfiz YIK pada kali ini.

Pada hari ini juga, 5 pelajar terbaik dari Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong telah menerima Anugerah Khas Sanad Hafazan Sheikh Ahmad Al-Ramadi. Yayasan Islam Kelantan sudah melahirkan seramai 4,822 huffaz menerusi 10 buah institusi tahfiz sejak 1996.

Nurul Aman Kok Lanas, 26 orang dari Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin Tumpat, 6 orang pelajar dari Maahad Tahfiz Sains Al-Muhammadi

Para huffaz ini bukan sahaja menyumbang dalam bidang agama, sebaliknya ada yang menjadi pakar profesional dan turut berperanan dalam masyarakat. Kerajaan negeri yakin Kelantan akan terus menyumbang kepada pembangunan insan negara menerusi Dasar Pendidikan Rabbani.

Seramai 800 orang terdiri daripada pelajar dan ibu bapa menghadiri majlis graduasi yang diadakan untuk meraikan para huffaz ini.



LAWATAN ROMBONGAN GABENOR SUMATERA BARAT



Delegasi berkenaan pada awalnya diketuai sendiri oleh Gabenor Sumatera Barat, walau bagaimanapun terpaksa diwakilkan kepada Encik Mardison dan juga Puan Raswil dari SMA 1 negeri Tilatang Kamang.

Dalam ucapan Encik Mardison di Maahad Muhammadi (Perempuan), beliau menzahirkan rasa

sangat bertuah dan amat berterima kasih kepada kerajaan negeri dan pihak sekolah terhadap sambutan di luar dugaan malah menyantung tinggi usaha-usaha yang dilakukan oleh Yayasan Islam Kelantan dalam mengurus perjalanan pendidikan agama di negeri ini.

Lawatan ini katanya, adalah untuk merapatkan hubungan

silaturahim dan kerjasama dua hala dalam rangka kerajaan Republik Indonesia sedang membina sukanan pelajaran baharu yang dinamakan sebagai 'Kurikulum Merdeka'. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran ini adalah lebih fleksibel dan pihak kerajaan telah memberikan kebebasan untuk pihak sekolah mengembangkan aktiviti sendiri tetapi dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh pihak pemerintah.



Kota Bharu, 7 Februari- Dinas Pendidikan Kabupaten Agam Provinsi Sumatera Barat telah mengadakan kunjungan ke negeri Kelantan dan turut mengunjungi Maahad Muhammadi (Lelaki) dan Maahad Muhammadi (Perempuan).

Rombongan seramai 197 orang itu terdiri daripada kepala-kepala sekolah dan pelajar-pelajar SMA (Sekolah Menengah Atas) Republik Indonesia.

Kompleks Pentadbiran YIK Tunjong, 22 Februari- Yayasan Islam Kelantan (YIK) terus melangkah ke hadapan memperkasa integriti kakitangan jauhi rasuah dalam kalangan kakitangan awam. Satu majlis menandatangani ikrar bebas rasuah YIK telah diadakan pada 22 Februari 2023 bertempat di Bilik Seminar YIK.

Majlis ini telah dihadiri oleh 141 orang warga pejabat YIK dan 7 orang pegawai terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan SPRM. IBR ini



YIK PERKASAKAN INTEGRITI KAKITANGAN JAUHI RASUAH MELALUI IKRAR BEBAS RASUAH



memberikan penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah.

Selain daripada sesi bacaan ikrar, majlis turut menyaksikan sesi menandatangani dokumen IBR oleh YM Pengarah YIK Haji Engku Rajhan bin Engku Ismail, Pengarah Yayasan Islam Kelantan sebelum

menyerahkan dokumen tersebut kepada KPKPj Rosli bin Husain, Pengarah SPRM Negeri Kelantan.

Terdahulu, satu ceramah pemantapan integriti dalam Perkhidmatan Awam dan kesalahan-kesalahan rasuah telah disampaikan oleh Ketua Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Negeri Kelantan, Ps Wan Siti Junaida binti Ismail.

Hadir sama, Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Negeri Kelantan PPj Najwa binti Mohd Sabry, timbalan-timbalan pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai dan kakitangan Yayasan Islam Kelantan.

101 PENERIMA WATIKAH PELANTIKAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BERCARUM



Kompleks Pentadbiran YIK Tunjong, 17 Mei- Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bercarum Gred DGB41 telah diadakan di Bilik Gerakan, Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, Tunjong Kota Bharu.

Majlis ini disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Haji Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan, Pengurusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan.

Seramai 101 orang guru Yayasan Islam Kelantan telah menerima watikah pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bercarum DGB41.

YIK turut menggalas tanggungjawab untuk merealisasikan Manifesto PRU 2018 dalam penstrukturkan guru dan penambahbaikan perkhidmatan.

Sehingga April 2023 YIK telah menukar lantik seramai 1,277 orang Guru Berelaun kepada Guru Sandaran, tindakan ke arah pelaksanaan 2 skim perkhidmatan.

Begitu juga dengan pelaksanaan kenaikan pangkat secara 'Time based' Berasaskan Kecemerlangan. Sejak tahun 2021 hingga 2023 seramai 467 guru telah diberikan kenaikan pangkat ini. Selain itu pengisian 149 jawatan tetap telah dilaksanakan pada 16 November 2022.

Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bercarum diperkenalkan setelah mengambil kira kebijakan guru dan penghargaan atas kesetiaan mereka bersama untuk berkhidmat dalam tempoh yang lama.

Inisiatif ini adalah untuk meningkatkan taraf perkhidmatan guru di sekolah-sekolah YIK mulai 1 Jun 2023.

Kerajaan negeri sentiasa memberikan perhatian kepada guru-guru untuk meningkatkan motivasi dan semangat untuk terus menabur bakti di sekolah-sekolah YIK bagi melahirkan generasi Rabbani.



KELANTAN MEMBAWA WADAH MENGISLAMISASI SUKAN MELALUI MODEL SEKOLAH-SEKOLAH YIK



Kota Bharu, 15 Februari- “Kelantan membawa wadah untuk menonjolkan kegiatan sukan yang serasi dengan tuntutan Islam, sama ada pada jenis permainan dan juga corak berpakaian,” YB Haji Wan Roslan bin Wan Hamat, Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan dan NGO Negeri Kelantan menyatakan komitmen kejayaan terhadap pemerkasaan sukan yang menepati kehendak Islam dan patuh syariah.

Menurut beliau, usaha-usaha telah dijalankan dengan membuat perancangan mewujudkan berbagai jenis kemudahan sukan bagi memenuhi hasrat dan aspirasi anak-anak muda Kelantan, khususnya sebagai persiapan Kelantan sebagai tuan rumah sukan Malaysia (SUKMA) 2026.

Beliau berkata demikian dalam majlis perasmian mesyuarat Agung Tahunan Kelab Sukan Sekolah-Sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan yang diadakan di Hotel Grand Riverview.

Peranan pengetua amat diharapkan dalam merealisasikan hasrat murni kerajaan agar atlet-atlet negeri Kelantan mempamerkan imej patuh syariah yang tinggi sekaligus dapat menolak tanggapan negatif sehingga menjauahkan para atlet daripada garis panduan hukum yang ditetapkan oleh Islam..

Dalam majlis yang sama, YB Haji Wan Roslan bin Wan Hamat Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan dan NGO Negeri Kelantan turut diberikan penghormatan melancarkan penjenamaan baharu Sukan Sekolah-sekolah Agama Yayasan Islam Kelantan yang sebelum ini dikenali sebagai KSSYIK. Nama baharu yang



dilancarkan ini adalah ‘Mahrajan Riadhi Wa Ilmi’ (MASSAK), yang menggabungkan Sukan Padang dan Sukan Ilmiah.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Sekolah, Haji Che Kamarudin Kamel bin Che Muhammad yang mewakili YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan dalam ucapannya menyatakan bahawa Yayasan Islam Kelantan memikul harapan yang amat besar dan memerlukan pengorbanan daripada semua ketua zon bagi mempertahankan kejuaraan keseluruhan yang dicapai pada tahun 2022. “Sukar untuk menjadi juara, terlebih sukar untuk mempertahankan kejuaraan,” katanya.

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI YIK BERLANGSUNG MERIAH



Kompleks Pentadbiran YIK Tunjong, 16 Mei- Yayasan Islam Kelantan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 16 Mei 2023 bertempat di Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan Tunjong.

YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Dato' Haji Ahmad bin Yaakob turut menikmati juadah di majlis sambutan ini. Majlis diserikan dengan juadah hari raya dari gerai-gerai makanan yang disusun mengikuti variasi menu berbeza.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pentadbir, kakitangan dan

pengetua, saling bermaaf-maafan sempena Aidilfitri sambil menikmati pelbagai juadah enak yang disediakan.

Turut hadir memeriahkan majlis, YB Dato' Haji Mohd Amar bin Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, ahli-ahli Lembaga Yayasan Islam Kelantan dan tetamu-tetamu kenamaan lain-lain.



Majlis turut disertai oleh pegawai dan kakitangan kompleks dan pengetua sekolah-sekolah YIK.

YIK TERIMA PELAJAR TAJAAN YAYASAN SABAH



Kompleks Pentadbiran YIK Tunjong, 22 Mac- Seramai 16 orang pelajar tajaan Yayasan Sabah diterima menyambung pelajaran di Maahad-Maahad Kawalan Yayasan Islam Kelantan bagi sesi pengajian 2023/2024.

Majlis sambutan pelajar-pelajar berkenaan telah diadakan pada 22 Mac 2023 bertempat di Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, Tunjong.

Pelajar-pelajar ini ditempatkan di Maahad Muhammadi (Lelaki) seramai 2 orang, Maahad Muhammadi (Perempuan) 2 orang, Maahad Tahfiz Wal Qiraat Pulai Chondong 4 orang, Maahad Sains Tok Guru 2 orang, Kolej Tahfiz Sains Kok Lanas 2 orang, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah 2 orang dan Maahad Tahfiz Al-Quran Darul Saadah Beta Hulu 2 orang.

Yayasan Sabah yang diwakili oleh Encik Roslan bin Khairuddin, Ketua Pegawai Tadbir cawangan Kuala Lumpur menyampaikan gimik penyerahan pelajar kepada YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan, Haji Engku Rajhan bin Engku Ismail dengan disaksikan oleh pengetua dari 7 buah sekolah yang terlibat.

KURSUS ASAS KEWARTAWANAN

Kompleks Pentadbiran

YIK Tunjong, 3 Januari-

Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah mengadakan Kursus Asas Kewartawanan kepada 23 orang kakitangan dan pegawai Yayasan Islam Kelantan daripada pelbagai unit.



Kursus sehari berkenaan telah disampaikan oleh Encik Nor Shayaumil Qhairil Eeman bin Muhammad Nor di Bilik Gerakan YIK. Beliau yang merupakan guru Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkhidmat di sekolah kelolaan YIK yang juga merupakan wartawan sambilan kepada akhbar Berita Harian.

Timbalan Pengarah Kenaziran Haji Sukeri bin Hussin dalam ucapan alu-aluannya berharap agar para peserta mengambil manfaat daripada pengalaman Encik Nor Shayaumil dan mengaplikasikan teknik penyediaan berita mengikut kaedah kewartawanan.

Majlis penutupan telah disempurnakan oleh Encik Mohd Khalis Syafiq bin Mohamad Nor, Timbalan Pengarah Pengurusan YIK.



PEMERKASAAN PENGURUSAN SEKOLAH



Kota Bharu, 1 Mac- Yayasan Islam Kelantan mengadakan taklimat sebagai persediaan menghadapi sesi persekolahan 2023/24 yang akan bermula pada 19 Mac 2023.

Taklimat yang menjadi salah satu daripada agenda rutin tahunan menggabungkan semua bahagian untuk memberikan *input-input* baharu dan menyalurkan maklumat-maklumat berhubung dengan perjalanan pengurusan sekolah, pengurusan guru, pengurusan murid serta pengurusan-pengurusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan akademik.

Taklimat Bahagian Sekolah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Sekolah, Haji Che Kamarudin Kamel bin Che Muhammad, Bahagian Akademik diwakili oleh Penolong Pengarah (PBA) Haji Ahmad Norisham bin Ab Halim. Bahagian Kenaziran yang diwakili oleh Dr. Hajah Nasuha binti Musa juga turut memaklumkan kepada semua pengetua jadual kerja yang akan dilaksanakan pada sesi akan datang.

Manakala Bahagian Pengurusan disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pengurusan, Encik Khalis Shafiq bin Mohamad Nor.

Majlis penutupan dan amanat telah disempurnakan oleh YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan, Haji Engku Rajhan bin Engku Ismail di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu.

Dalam ucapan, beliau menyeru semua pengetua dan pentadbir untuk sama-sama berusaha membina Yayasan Islam Kelantan dengan lebih gemilang dan dapat mengembalikan kecemerlangan ke peringkat negara agar Yayasan Islam Kelantan menjadi sebutan ramai hasil dari pencapaian dan peningkatan dalam bidang akademik.

Dalam majlis yang sama, YIK turut melancarkan sistem E-Naziran dalam talian yang memberikan peluang untuk pentadbir menilai pematuhan item naziran secara kendiri. Sistem ini dibangunkan secara *in-house* oleh Unit Teknologi Maklumat YIK.





Ceramah penyakit Tibi dan Kanser Payudara pada 25 Januari 2023 di Kompleks Pentadbiran YIK oleh wakil PAPISMA Malaysia Cawangan Kelantan.



Kunjungan muhibah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) ke Yayasan Islam Kelantan pada 5 Februari 2023.



Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan Tanah Perladangan Kelapa Sawit antara Akademi YIK Sdn. Bhd. dengan Dirgamaui Sdn. Bhd. pada pada 5 Februari 2023 di Hotel Perdana, Kota Bharu.



Kursus Pengurusan Kewangan Efektif pada 14 Feb 2023 oleh Bendahari Negeri Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan di Hotel Perdana, Kota Bharu bersama pengetua-pengetua dan warga kerja YIK.



Seminar Kreativiti Pengajaran Matematik pada 4 Mac 2023 di Bilik Seminar Kompleks Pentadbiran YIK.



Solat hajat dan doa selamat penerimaan kereta baru Mitsubishi Triton di Masjid al-Tafaqquh, Kompleks Pentadbiran YIK pada 5 Mac 2023.



Program gotong-royong membersihkan kebun durian milik Yayasan Islam Kelantan di Kelewek Tanah Merah pada 14 Mac 2023 diketuai oleh YM Pengarah.



Penyerahan surat lantikan guru baharu dalam majlis penutupan Kursus Asas Guru Baharu pada 15 Mac 2023 di Kompleks Pentadbiran YIK.



Penyerahan sumbangan wang zakat oleh Bank Islam kepada Yayasan Islam Kelantan sebanyak RM 50 ribu pada 6 April 2023.



Warga Yayasan Islam Kelantan bersama-sama menjayakan Program Qiamullail dan Bersahur pada 16 Ramadan 1445H bersamaan 7 April 2023.



Kakitangan Yayasan Islam Kelantan bergotong-royong memasak bubur lambuk untuk agihan berbuka puasa kepada orang ramai di stesen minyak BHP YIK Tunjong pada 17 April 2023.



Pegawai Unit Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) menyampaikan taklimat untuk bayaran zakat melalui potongan gaji kepada pegawai dan kakitangan Yayasan Islam Kelantan pada 17 April 2023.



Yayasan Islam Kelantan meraikan kunjungan muhibah rombongan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Dunia Islam (ICESCO) di Malaysia pada 15 Mei 2023.



Majlis Perasmian Kursus Penggubalan soalan SMU, SMTQ (DINI), STUP dan STAM 2023 pada 13 Mei 2023 di Hotel H Elite Tunjong.



YB Dato' Dr. Haji Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan mengumumkan keputusan peperiksaan SPM 2022 pada 8 Jun 2023 di Kompleks Pentadbiran YIK.



YM Pengarah bersama Timbalan Pengarah Pengurusan melawat gerai pameran Yayasan Islam Kelantan di Karnival Kelantan Maju Rakyat Sejahtera 2023 pada 21 Jun 2023 di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV.

SAMBUTAN HARI YIK 2023 : RAIKAN KECEMERLANGAN SEKOLAH



PUTIK Pengkalan Chepa, 15 Julai- 10 orang pentadbir sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan yang terdiri daripada pengetua dan penolong kanan diraikan dalam sambutan Hari Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Majlis ini merupakan hari perhimpunan bagi semua warga YIK termasuk tenaga pengajar dan kakitangan yang telah diadakan pada 15 Julai 2023.

YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob telah menyampaikan anugerah kepada 5 orang pengetua dan 5 orang penolong kanan cemerlang yang telah dipilih oleh panel penilai yang membuat penilaian dari pelbagai aspek pengurusan termasuk prestasi sekolah.

Anugerah Pengetua Cemerlang pada tahun ini diberikan kepada Mohd Nasir bin Mohamed Hasbullah (Maahad Sains Tok Guru) bagi kategori Maahad Kawalan, Mohd Razif bin Haji Othman (Maahad Ahmadi Tanah Merah) bagi kategori Maahad Pilihan, Shaikhuddin bin Safie (Maahad Syamsul Maarif (Perempuan)) bagi kategori Maahad Kerajaan, Nik Mohd Ajun bin Nik Mat (SMU (A) Al-Hidayah Islamiah Chap Bekelam) bagi kategori SMU (A), Zainuddin bin Che Ismail (SMU (A) Diniah Bongor) bagi kategori SABK/SRU/Tadika.

YAB Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan turut menyampaikan anugerah Penolong Kanan Cemerlang kepada Nik Emran @Nik Muhammad bin Nik Mustapha (Maahad Muhammadi (Perempuan)) bagi kategori Maahad Kawalan, Mohammad Zailani bin Mohd Yunus (Maahad Muhammadi Pasir Mas) bagi kategori Maahad Pilihan,

Habil bin Mohammad (Maahad Raudhah An-Nazirin) bagi kategori Maahad Kerajaan, Wan Rashidah binti Razali (SMU (A) Meheliah Geting) bagi kategori SMU (A) dan Wan Azlee bin Wan Ibrahim (SMU (A) Darul Iman) bagi kategori SABK/SRU/Tadika.

Bagi Sekolah Terbaik YIK pula dianugerahkan kepada Maahad Sains Tok Guru untuk kategori Maahad Kawalan, Maahad Muhammadi Pasir Pekan untuk kategori Maahad Pilihan, Maahad Syamsul Maarif (Perempuan) untuk kategori Maahad kerajaan, SMU (A) Ittihadiah Tanjung Pagar untuk kategori SMU (A), SMU (A) Tarbiah Islamiah Kuala Kajang untuk kategori SABK.

Hadir sama dalam sambutan ini, YB Dato' Haji Mohd Amar bin Nik Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Bin Dato' Haji Hassan, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, ahli-ahli Lembaga Yayasan Islam Kelantan, pegawai dan kakitangan serta guru-guru Yayasan Islam Kelantan.



KUNJUNGAN PRIHATIN WANIS KE PULAU BELANGA



Prihatin ke kediaman Puan Halimah binti Awang (74 tahun) Kampung Pulau Belanga, Kota Bharu.

Rombongan yang diketuai oleh Pengurus WANIS YM Hajah Tengku Sahariah binti Tuan Hamzah tiba pada jam 10.30

Kota Bharu, 24 Januari-

Persatuan Wanita Yayasan Islam Kelantan (WANIS) telah menggerakkan aktiviti pertama bagi tahun 2023 dengan mengadakan Kunjungan

pagi dan turut disertai oleh YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan.

Puan Halimah yang juga merupakan bonda kepada Timbalan Pengarah (Akademik) Haji Mohd Zaki bin Deraman yang mengalami masalah kesihatan sejak beberapa tahun lalu. Keadaan beliau menjadi semakin serius sehingga tidak mampu mengurus diri serta mengalami masalah pertuturan.

Beliau juga mengalami masalah saraf dan sukar untuk bergerak. Walau bagaimanapun beliau dapat makan dan minum dengan baik, memandangkan tidak mengalami komplikasi penyakit yang lain.

Pihak WANIS juga turut menyampaikan sumbangan, hamper dan buah-buahan kepada Puan Halimah dan berharap agar mendapat kesembuhan serta pulih seperti sediakala.

THE IMPORTANCE OF STUDENT-TEACHER RELATIONSHIPS

By: Teacher Hartini binti Idris



Think about your favourite teacher. All of us must have one, the one who is always there deep down in our hearts. He or she had helped you realise what you wanted

to be when you grew up or maybe they were the one who encouraged you to do something you couldn't. Oftentimes, students look up to their teachers as mentors. They would likely feel proud when the teachers encourage them in their learning and social interactions.

A teacher-student relationship in the classroom is a positive relationship between the teacher and the students in

efforts to gain trust and respect from each other. Students would usually avoid reaching out to their teachers as they feel uncomfortable doing so. Therefore, teachers need to be one step ahead to break the ice. All students deserve to be seen, understood and receive the support they need to grow. Feeling a sense of connection in the classroom contributes to the academic success and well-being of the students.

Student-teacher relationships will be much better if there is mutual respect as much as having strong patience, confidence, and tolerance. A good teacher believes that every child is unique and capable of learning but in different ways and at different rates. The students on the other hand wish to be listened when they voice out their opinions first before they get the feedback from the audience.



LAWATAN KERJA PENGARAH KE PUSAT PEPERIKSAAN SMU 2022 DI KEMBOJA



Phnom Penh Kemboja, 14 Februari- Yayasan Islam Kelantan menyambut baik dan sentiasa mengalu-alukan hasrat pelajar dari negara Kemboja untuk menyambung pelajaran di negeri Kelantan. Demikian dinyatakan oleh YM Haji Engku Rajhan bin Engku Ismail, Pengarah YIK dalam lawatan kerja ke negara itu pada 14 Februari lalu. Buat masa ini, sudah ada pelajar dari Kemboja yang telah dan sedang menyambung pengajian hingga ke peringkat tinggi di negeri Cik Siti Wan Kembang.

Terdahulu, YM Pengarah sempat meninjau perjalanan pengurusan peperiksaan di pusat peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) di Kemboja di samping turut membuat pemantauan ke atas 2 buah pusat peperiksaan iaitu di Maahad An-Nikmah Al-Islamiyyah Phnom Penh dan Maahad Muhammadi Beng Prol.

Peperiksaan pada kali ini telah diadakan secara berpusat di Maahad An-Nikmah Al-Islamiyyah Phnom Penh bagi memudahkan penyelarasan dan penyeliaan peperiksaan. Dalam majlis berasingan sebelum peperiksaan bermula, YM Pengarah menyampaikan amanat kepada pelajar.



Sejarah unik hubungan Yayasan Islam Kelantan dengan sekolah-sekolah agama masyarakat Islam Kemboja mula dirintis ketika Menteri Besar Kelantan ke-17 almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia, Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat yang berhasrat meluaskan medan dakwah dan pendidikan Islam serta bahasa Arab ke negara Kemboja.

Dalam lawatan 4 hari berkenaan, YM Pengarah YIK turut diiringi oleh Timbalan Pengarah Akademik, Haji Mohd Zaki bin Deraman dan Penolong Pengarah Penilaian dan Peperiksaan, Ust. Anuar bin Rasid.

KUNJUNGAN ROMBONGAN PENGARAH LEMBAGA TABUNG HAJI KELANTAN



Kompleks Pentadbiran YIK Tunjong, 15 Januari- Rombongan Pejabat Lembaga Tabung Haji Negeri Kelantan telah mengadakan kunjungan hormat kepada YM Pengarah YIK pada 15 Januari 2023. Kunjungan yang diketuai oleh Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Kelantan, Haji Ashrof bin Shamsudin turut sama disertai oleh Haji Ahmah Harith bin Che Hassan Ketua Pemasaran Tabung Haji Negeri Kelantan, Encik Abdullah bin Mohd Roslan, Ketua Pentadbiran Tabung Haji Negeri Kelantan, dan Encik Abdullah bin Mat Hassan, kakitangan pemasaran Negeri Kelantan.

Dalam kunjungan ini, Pengarah Lembaga Tabung Haji negeri menyatakan komitmen untuk sama-sama membantu sekolah-sekolah YIK meningkatkan lagi prasarana dan kemudahan-kemudahan pendidikan khususnya bagi memartabatkan agensi pendidikan dalam kalangan umat Islam.

Sebagai langkah pertama penyaluran zakat kepada institusi pendidikan sekolah-sekolah YIK dan beliau turut mengumumkan sebanyak RM30,000.00 untuk diserahkan kepada pentadbiran Yayasan Islam Kelantan bagi tujuan program-program yang sesuai dengan penggunaan sumbangan zakat.

Dalam masa yang sama, YABrs. Pengarah Lembaga Tabung Haji memohon daripada Yayasan Islam Kelantan untuk memberikan laluan mengadakan kempen menambah ahli dan membuka akaun Tabung Haji di sekolah-sekolah.

Dengan kempen sedemikian dijangka akan dapat meningkatkan jumlah dana dan dapat memberikan pulangan dalam bentuk zakat yang lebih tinggi untuk kepentingan umat Islam secara keseluruhannya.

SEMINAR KEPIMPINAN PENDIDIKAN RABBANI

Institut Latihan Darul Naim (ILDAN).



Kota Bharu, 13 Februari- YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan telah merasmikan program Seminar Kepemimpinan Pendidikan Rabbani bertempat di H Elite Design Hotel, Kota Bharu pada 13 Februari 2023.

Seminar ini mencerminkan kesepakatan dan komitmen semua pihak dalam merealisasikan pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) secara khususnya dan di seluruh Kelantan secara amnya.

Pembangunan Modal Insan merupakan tunjang kepada keutuhan Dasar Membangun Bersama Islam. Sebanyak RM 137.6 juta telah diperuntukkan kepada YIK untuk pembangunan dan

program pendidikan pada tahun ini. Kerajaan Negeri yakin YIK akan terus menerajui pendidikan kepada rakyat dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK).

YB Dato' selaku Penggerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Kerajaan Negeri Kelantan juga turut menyempurnakan pelancaran Modul Latihan Pendidikan Rabbani yang telah dibangunkan oleh kumpulan penyelidik dari Kulliyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang diketuai oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Arifin bin Mamat dan diterbitkan oleh



MAAHAD MUHAMMADI (PEREMPUAN) PROJEK RINTIS BAITUS SOLEHAH



Kota Bharu, 31 Januari- Maahad Muhammadi (Perempuan) Kota Bharu telah dipilih oleh Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKwa) untuk projek rintis Baitus Solehah yang memberikan penekanan amali kepada pelajar untuk menghadapi cabaran kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat.

Majlis perasmian Baitus Solehah telah disempurnakan oleh YB Dato' Hajah Mumtaz binti Haji Md Nawi, Penggerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan pada 31 Januari 2023 di perkarangan asrama perempuan Maahad Muhammadi (Perempuan).

Pihak U-KeKwa dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan memperuntukkan RM110 ribu untuk menyiapkan sebuah premis kecil

dengan keluasan 1,000 kaki persegi dilengkapi dengan kemudahan peralatan rumah seperti set bilik tidur, sofa, meja makan, mesin basuh, peti ais dan peralatan dapur yang lengkap untuk memudahkan pelaksanaan amali kepada pelajar dengan situasi sebenar pengurusan rumah tangga.

YB Dato' berkata, pihaknya bersedia untuk membekalkan tenaga pengajar serta pembimbing wanita bagi membantu pelajar-pelajar melaksanakan urusan sebagai seorang suri rumah secara praktikal. "Kita tidak mahu nantinya MMP menjadi pengeluar tenaga korporat, profesional dan teknokrat yang terkenal tetapi tumpas di dapur sendiri".

Anak-anak pada zaman kecanggihan teknologi hari ini perlu dibimbing dengan semaksimum mungkin untuk menyediakan diri sebagai seorang wanita sebenar bukan setakat hebat dalam pencapaian akademik tetapi juga hebat mengurus rumah tangga sehingga dapat menjadi benteng kepada kekuatan beragama dalam masyarakat.

Beliau memberikan jaminan bahawa program yang dilancarkan tidak mengganggu sistem pembelajaran YIK sedia ada malah menjadi nilai tambah kepada ilmu kemasyarakatan pelajar dan mampubangkit sebagai "wanita seanggun Saidatina Fatimah az-Zahra' (R.A)"

YB Dato' turut merasmikan pelancaran Buku Suri Mithali karangan Wan Nur Ainon Abdullah sebagai manual pelengkap ilmu pengurusan rumah tangga yang mengandungi tujuh bab berkaitan keperluan suri rumah.



Buku tersebut merupakan buku pertama yang diterbitkan di Malaysia yang komprehensif merangkumi semua aspek keperluan suri rumah tanpa mengira usia, bangsa dan agama kerana ia bersifat universal dan menyeluruh.

Turut hadir dalam majlis perasmian berkenaan YB Dr. Wan Martina binti Wan Yusof, Ahli Dewan Negara, YB Puan Hajah Rohani binti Ibrahim, Timbalan Penggerusi Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan, Haji Sukeri Hussin Timbalan Pengarah (Kenaziran) mewakili YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan, wakil alumni Maahad Muhammadi, guru-guru dan pembimbing Baitus Solehah Maahad Muhammadi (Perempuan).

مندفني کلمهن ڦلاجر دالم اسقیق فنولیسن

اولیه: حمدي بن محمد



سهوبوون دعن ایت، ڦارا کورو دسانکن اکر تیدق هان منتیعکن کائیندهن تولیسن دالم مات ڦلاجرن خط، تنافي جوک تیکنیک فنولیسن حروف ۲ یغ تفت اکر سلارس دعن قاعده دان بنتوق حروف یغ سبز. ماناکالا دالم ڦعاجرن دان ڦمبلاجرن إملاء، لایهن ڦرکتیکل ایجاءن ڦلو دریکن فنکن. کورو تیدق هان معاجر قاعده إملاء سباليقن ڦلو اد سلوت فنولیسن سمولا اف یغ ددغرهن دری باچاءن کورو سچارا برکالا. دعن چارا این، کورو دافت محسن دان ستروشن مقرباءيقي کلمهن دان کسیلشن ڦلاجر.

سباجر دعن ایت، اوئيت کوريکولوم عرب اوکام معمبل لعکه مغاداکن یغکيل ڦعاجرن دان ڦمبلاجرن إملاء دان خط اوتنوق کورو ۲ یايانس إسلام کلتن ڦد ۲ هیٺک ۹ جانواری 2023. ڦنچرامه خط یغ دجمقوت اداله استاذ خر الرازي بن محمد زين. منکل ڦنچرامه إملاء اداله استاذه اديبه بنت عبد الله دان استاذ زين الدين بن حسين. استاذ خر الرازي دبنتو اولیه استاذ أحمد ذکري بن ار عزمي دان استاذ نيء محمد منير بن داتوء نيء عبدالقدار سباکائي فاسیلیتاتور.

دھارف یغکيل یغ داداکن دافت مبتو ڦارا کورو دالم منیعکنکن فریستاسي ڦارا ڦلاجر دری سکی فنولیسن ٻهاس عرب دان ستروشن معاشي کلمهن یغ برلاکو دالم کالغن مریک.



کلمهن ڦارا ڦلاجر دالم ٻهاس عرب تیدق هان دری سکی نخو صرف دان ڦعکوناءن ٻهاس، تنافي جوک تولیسن دان ایجاءن. مسکیثون مات ڦلاجرن خط دان إملاء سوده ڦون دسلیتکن دالم سنارای مات ڦلاجرن واجب دسکوله ۲ یايانس إسلام کلتن، کلمهن ترسبوت ماسیه بلوم دافت دائسي سٺووهش.

انتارا کسالهن یغ کتارا دالم فنولیسن ڦلاجر اداله کسیلشن دالم منولیس حروف، سام اد حروف داول، تغه اتاو اخیر ڦرکتاءن. بنتوق حروف یغ دتولیس جوک اد کالان تیدق دافت دیداکن انتارا ساتو حروف دعن حروف یغ لاءین، او مقام حروف "ذ" دعن "ز"، "م" دعن "ف" دان لاءین ۲ لاکنی. دمکن جوک کلمهن دری سکی تیکنیک فنولیسن حروف. سموا این بریتیق تولق دری کلمهن دالم کاهیرن خط.

کلمهن دری سودوت إملاء امت کتارا بیلا دداقتی ڦلاجر تیدق مڻو مبیداکن انتارا حروف ۲ یغ بردکن مخرجن، او مقام "ح" دان "ه"، "ق" دان "ک" دان سأو مقامان. مریک جوک تیدق مڻو مبیداکن سسواتو اوغکن ایت، سام اد ای دری ساتو ڦرکتاءن اتاو دوا ڦرکتاءن یغ براسیغشن، چونتوهش "إنشاء الله" - یغ سبتولو "إن شاء الله".



شخصية المربي المثالي بمناسبة الاحتفال ب يوم المؤسسة الإسلامية بكلنتان لعام ٢٠٢٣م

بقلم : محمد زين الدين بن حسين

ولد محمد بن محمود في ٢٢ جمادى الأولى ١٣٦٦هـ الموافق ١٣ من أبريل ١٩٤٧م في قرية موراك بمحافظة تومفت بولاية كلنتان، ونشأ في بيته، ثم قام أبوه بإرساله إلى المعهد الحميدي بគوتا بهارو، وتلقى هناك العلوم الدينية واللغة العربية. فقد واجه من خلال دراسته بالمعهد الحميدي مشقات كثيرة وصعوبات عظيمة حتى نجح وحصل على شهادة البكالريوس في الدراسات الإسلامية من الجامعة الوطنية الماليزية (UKM).

وبتربيته لهم نجحوا وتوقفوا جميعاً حتى المستوى الجامعي، ويعلم أبنائه في مختلف مجالات العمل.


وفي الاحتفال بمناسبة يوم المؤسسة الإسلامية بكلنتان الماضي تتوج محمد بن محمود على لقب "المربي المثالي" بمؤسسة الإسلامية بكلنتان لعام ٢٠٢٣م. وقد تم تكريمه كمربي المثالي ونال مكافأة قيمة وهي عمرة شاملة جميع التكاليف بقيمة تساوي عشرة آلاف ودرع التكريم، وشهادة تقديرية من حكومة كلنتان، وسلمه هذه المكافأة معالي الأستاذ داتوء بنتارا كانن داتوء حاج أحمد بن يعقوب، كبير الوزراء لحكومة كلنتان.

نشكر لهذا الرجل العظيم على خدماته وجهوده في سبيل نشر الدين والعلم والثقافة.

وجزاه الله خير الجزاء على ما بذل من جهد وعلم في الدين والدنيا والآخرة.



ولد محمد بن محمود في ٢٢ جمادى الأولى ١٣٦٦هـ الموافق ١٣ من أبريل ١٩٤٧م في قرية موراك بمحافظة تومفت بولاية كلنتان، ونشأ في بيته، ثم قام أبوه بإرساله إلى المعهد الحميدي بគوتا بهارو، وتلقى هناك العلوم الدينية واللغة العربية. فقد واجه من خلال دراسته بالمعهد الحميدي مشقات كثيرة وصعوبات عظيمة حتى نجح وحصل على شهادة البكالريوس في الدراسات الإسلامية من الجامعة الوطنية الماليزية (UKM).



وبعد أن أنهى دراسته في الجامعة الوطنية الماليزية عمل في مجال التعليم؛ ودرس العلوم الدينية واللغة العربية بالمدارس تحت إشراف مجلس الشئون الإسلامية والتقاليد الملايوية بكلنتان (MAIK).

كما درس في المدارس بمؤسسة الإسلامية بكلنتان اللغة الملايوية وأدابها؛ حتى تولى منصب مساعد المدير بالمعهد الحميدي بគوتا بهارو، وأعلى منصب تولاه هو المدير بمعهد محمدى تومفت ولكنه لم يعمل به؛ لأنه في نفس الوقت عرض عليه منصب مسؤول النشر وقبل هذا المنصب.

وقد كتب في حياته أكثر من ١٥١ مقالة نشرت على صفحات والمجلات والجرائد، وألف أكثر من ٢٠ كتاباً. ومازال المربي الفضيل مستمراً في كتابة المقالات وتأليف الكتب حتى اليوم.

JATI DIRI SEORANG GURU

Oleh: Dr. Nik Abd Rahman bin Nik Yaacob



Pendidikan itu ialah sesuatu yang berkait rapat dengan kualiti dan juga pencapaian generasi pada masa hadapan. Apabila kita sebut generasi pada masa hadapan maka cabaran akan tergambar dalam fikiran. Cabaran tersebut ialah dunia pendidikan yang semakin mencabar dan semakin kompetitif akibat daripada perubahan globalisasi dan keterbukaan sosial termasuklah ledakan teknologi maklumat dan pendidikan digital yang mana keperluan yang dilihat semakin meningkat.

Untuk menghadapi segala cabaran tersebut maka kita akan bertemu dengan peranan utama guru adalah membentuk akhlak pelajar yang tinggi. Jati diri ini boleh dilihat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Yayasan Islam Kelantan. Apabila kita membuka semula lembaran falsafah tersebut maka kita akan bertemu dengan keperluan utama pembentukan akhlak peribadi dan sahsiah diri yang tinggi. Asas-asas yang terdapat dalam falsafah tersebut haruslah dipegang sebagai teras dalam menghadapi arus pendidikan semasa.

Jati diri ini boleh dilihat daripada diri kita sebagai bangsa yang memiliki adat dan nilai yang tinggi. Seorang sasterawan Melayu iaitu Tenas Effendy telah mengungkapkan aktiviti

menuntut ilmu sebagai satu budaya mulia dalam masyarakat kita. Tanda jati diri Melayu dalam menuntut ilmu mengikut beliau harus memenuhi beberapa ciri. Antara ciri tersebut ialah apabila kita belajar maka kita hendaklah belajar secara tekun sehingga mati. Manakala apabila kita berguru, maka kita tidak bosan dan tidak membilang hari. Dalam menuntut ilmu itu di mana ada guru, maka disitulah kita berhenti dengan satu matlamat iaitu mendekati orang yang berilmu. Apabila orang bertanya kepada kita maka kita dalam menjawab secara jujur. Begitu juga apabila orang datang ingin berguru kepada kita maka ajarlah apa yang kita tahu.

Demikianlah muliaanya tugas dan tanggungjawab seorang guru dalam masyarakat.

Dalam etimologi orang Jawa, perkataan guru itu berasal daripada 'gu' iaitu bermaksud seorang yang dipercayai dan kata 'ru' bermaksud ditiru. Apabila kedua-duanya bergabung maka jadilah guru yang bermaksud seseorang yang memiliki peribadi yang dipercayai dan menjadi ikutan.

Dalam al-Quran surah al-Qasas ayat yang ke-37 yang bermaksud: *Dan berbuat baiklah kepada Allah sebagaimana Allah telah berbuat baik kepada kamu dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.* Ayat ini mempunyai level yang tinggi iaitu kita dituntut berakhlik sebagaimana Allah berakhlik. Maka begitu juga dengan gelaran murabbi yang menjadi gelaran guru dalam konteks Islam ia berkait rapat dengan sifat Tuhan yang menyentuh seluruh alam iaitu Rabbul alamin, oleh itu sewajarnyalah seorang murabbi itu menyantuni segenap pembangunan insan daripada aspek jasmani, rohani, akal, mental dan emosi secara sepadu dan seimbang mengikut falsafah pendidikan yang ditetapkan.

Mendidik anak bangsa menjadi insan yang mulia bukanlah tugas

yang mudah dan proses tersebut berlaku dalam tempoh yang sangat panjang. Oleh itu, guru dituntut untuk bersabar dalam melaksanakan tugasnya sebagai pendidik. Membina watak bangsa dalam penyebatian nilai-nilai budaya dalam proses yang memakan masa bukan sehari dua, bukan tahun ini atau tahun hadapan, bukan bulan lepas atau dua bulan akan datang tetapi mungkin sampai berdekad-dekad lamanya. Falsafah Cina ada menyebut sekiranya kita merancang untuk setahun maka tanamlah padi namun sekiranya kita merancang untuk 10 tahun tanamlah pokok tapi sekiranya kita merancang



untuk 100 tahun maka didiklah anak kita. Manakala Raja Ali Haji dalam gurindamnya menyebut sekiranya kita ingin mengenal orang yang berilmu maka sifatnya adalah sentiasa bertanya dan belajar. Manakala cara untuk mengenal orang yang berakhlak ialah dia sentiasa mengambil bekal di dunia untuk akhirat.

Seorang pendidik itu harus menyedari bahawa pendidikan itu ialah milik semua dan harus diberikan secara adil kepada semua pelajar. Walaupun sukar untuk berlaku adil namun kita haruslah cuba sedaya upaya untuk berlaku adil. Tugas ini bukan mudah tapi bukan mustahil untuk dicapai.

Akhirnya, satu perkara yang juga penting dalam kerjaya guru ialah integriti. Integriti akan melahirkan rasa bertanggungjawab guru terhadap kerjayanya. Jika integriti dan rasa bertanggungjawab ini ada pada diri seorang guru maka aktiviti pembelajaran akan menjadi menyeronokkan dan bermakna buat murid. Integriti sebenar seorang guru ialah dia mendidik murid dengan hati. Dari hatihal lahirnya kasih sayang dan kesungguhan yang tinggi untuk menyampaikan ilmu berserta kesabaran dan keyakinan bahawa tugasnya adalah sangat mulia, sebagai bekal untuk ke sana dengan matlamat keredaan Allah.



KELANTAN TUAN RUMAH MAHRAJAN MESMA PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-4



Kompleks Pentadbiran YIK Tunjong,

8 Februari- Negeri Kelantan Darul Naim akan menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Memanah Peringkat Kebangsaan yang dikelolakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi tahun 2023.

Sehubungan dengan itu, satu majlis pelancaran Mahrajan Memanah Sekolah Menengah Agama Malaysia (MESMA) Peringkat Kebangsaan Kali ke-4 akan berlangsung di Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian, Kelantan.

Majlis pelancaran berkenaan telah disempurnakan oleh Haji Ruslan bin Haji Said, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM turut dihadiri oleh wakil-wakil jabatan-jabatan agama setiap negeri. Gimik pelancaran dengan bidikan panah

ke sasaran dan pengibaran bendera MESMA di perkarnangan Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan.

Bermula dengan pemilihan pemain di peringkat sekolah seterusnya ke pertandingan di peringkat sekolah dan zon sehingga ke peringkat daerah dan negeri. Semua ini adalah

persiapan ke peringkat kebangsaan iaitu Mahrajan Memanah Sekolah Menengah Agama Malaysia (MESMA) Peringkat Kebangsaan Kali ke-4 akan berlangsung di Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian, Kelantan.

Dua acara akan dipertandingkan iaitu Recurve dan Tradisional. Seramai 196 orang peserta (lelaki/perempuan) dari 14 buah negeri yang merupakan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Keseluruhan kontinjen melebihi 500 orang termasuk pegawai, pengadil dan urus setia pertandingan.

JAKIM turut menyediakan peruntukan lebih RM 1 juta untuk mencapai objektif yang telah digariskan melalui aktiviti dengan kerjasama jabatan-jabatan agama negeri.

MAHRAJAN MEMANAH PIALA PENGARAH YIK 2023

Kompleks Pentadbiran YIK Tunjong,

15 Mac- Satu pertandingan Mahrajan Memanah Piala Pengarah YIK 2023 telah diadakan di padang Kompleks Pentadbiran YIK Tunjong pada 15 Mac 2023.

Bermula tahun 2019, Yayasan Islam Kelantan telah mula menghantar kontinjen negeri ke peringkat Mahrajan Memanah Kebangsaan Sekolah-sekolah Agama Malaysia. Melihatkan kepada kepentingan acara memanah ini yang merupakan

acara sunah, pihak Yayasan Islam Kelantan juga telah menjadikan acara tersebut sebagai acara tahunan.

Bagi mengembangkan lagi acara ini, pihak Yayasan Islam Kelantan menganjurkan pertandingan dalam kalangan pentadbir sekolah bagi melahirkan masyarakat yang menghayati nilai sukan sunah ini. Program ini juga bertujuan mencungkil bakat, potensi dan kebolehan guru dan pegawai dalam sukan memanah ini.

Wakil dari Pejabat YIK telah memenangi dalam kedua-dua acara iaitu kategori Memanah (Perseorangan Lelaki) melalui Haji Mohd Fauzi bin Zainuddin dan kategori Memanah (Perseorangan Perempuan) melalui Puan Noor Ezah binti Mohd Yusoff.

Hampir 100 orang peserta yang terdiri dalam kalangan kakitangan pejabat, pentadbir dan kakitangan sokongan sekolah serta peserta jemputan turut memeriahkan acara.

